

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SAU209 - Isu-Isu Teoritis dalam Hubungan Ras dan Etnik

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan (1) Bahagian A WAJIB dijawab. Dalam Bahagian B pilih TIGA soalan dari enam soalan. Semua soalan mempunyai nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A (WAJIB)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ras dan rasisme mengikut takrifan sosiologi? Dengan rangka teori pilihan anda bincangkan angkubah-angkubah yang menjelaskan rasisme berdasarkan satu kes sistem rasis tertentu (contohnya Apartheid, Nazisme, Zionisme, Rasisme Amerika Syarikat dan Rasisme Penjajahan).

[100 markah]

BAHAGIAN B (Pilih TIGA soalan sahaja)

2. Konflik bangsa, kelompok etnik dan ras sering berhubungkait dengan konflik kelas. Huraikan dengan kritis perhubungan ini.

[100 markah]

3. Teori masyarakat majmuk M.G. Smith dan Leo Kuper telah bertitik tolak dari teori masyarakat majmuk yang dianjurkan oleh J.S. Furnivall. Huraikan kelemahan-kelemahan yang terdapat pada teori J.S. Furnivall dan apakah unsur-unsur yang lebih penting bagi menerangkan interaksi/konflik antara kelompok etnik yang dihujahkan oleh M.G. Smith dan Leo Kuper.

[100 markah]

...2/-

4. Huraikan konsep-konsep di bawah:

- (a) Kelompok etnik
- (b) Bangsa
- (c) Kelompok taraf
- (d) Demokrasi persemuafakatan
- (e) Teori penjajahan dalaman

[100 markah]

5. Bagaimanakah "teori pembahagian kerja budaya" yang dianjurkan oleh Michael Hechter dapat menjelaskan hubungan dan juga konflik antara kelompok etnik? Nilaikan secara kritis.

[100 markah]

6. Sejauhmanakah pendekatan teori kelas dapat menjelaskan masalah etnisiti? Apakah perkara-perkara yang mungkin tidak diliputi oleh pendekatan tersebut?

[100 markah]

7. Berpandukan teori-teori yang anda pelajari dalam kursus ini, bagaimanakah dapat anda memahami corak perhubungan etnik di masyarakat Malaysia hari ini?

[100 markah]